

Headline	Konstabel berijazah		
MediaTitle	Metro Ahad		
Date	27 Apr 2014	Language	Malay
Circulation	314,321	Readership	1,964,000
Section	Setempat	Color	Full Color
Page No	7	ArticleSize	277 cm ²
AdValue	RM 10,191	PR Value	RM 30,573



Konstabel berijazah

■ Semakin ramai kaum Tionghua berminat sertai PDRM

Oleh MOHD HASBI SIDEK

hmetroshahalam@hmetro.com.my

Klang

“Walaupun memiliki Ijazah Sarjana Muda Perakaunan daripada Universiti Utara Malaysia (UUM) Sintok, Kedah, saya sanggup memohon jawatan konstabel dalam Polis Diraja Malaysia (PDRM) kerana minat mendalam dalam bidang kepolisan.

“Saya tahu gaji ditawarkan jika bekerja dengan syarikat swasta jauh lebih tinggi, namun itu bukan halangan kerana minat sejak kecil, khususnya dalam bidang siasatan komersial, menyebabkan saya memilih bergelar anggota polis,” kata Yeap Yong Sheng, 25.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pada Program Menggalakkan Kaum Cina Menyertai Konstabel PDRM di Dewan Persatuan Hokkien

Klang, di sini, semalam.

Menurut Yeap, keinginannya menyertai PDRM semakin berkobar-kobar selepas mendapat sokongan padu ibu bapa dan ahli keluarga.

Katanya, program dianjurkan itu memudahkan generasi muda, khasnya daripada kaum Tionghua, menyertai PDRM.

“Jika diterima bertugas sebagai anggota polis, saya berjanji memberi sepenuh komitmen terhadap setiap tugas diamanahkan, selain berusaha bersungguh-sungguh untuk membantu PDRM mengekang jenayah,” katanya.

Seorang lagi pemohon, Steven Wong Kok Hong, 19, yang berasal daripada Rawang berkata, dia sanggup ke Klang kerana mahu memohon jawatan konstabel.

“Saya memang berminat menyertai PDRM, malah pernah menyertai persatuan kadet polis ketika di sekolah menengah.

“Ibu bapa turut menggalakkan saya memohon jawatan ini. Saya harap permohonan ini diterima kerana mahu mencapai cita-cita,” katanya.

Pesara Lum Wah Kit, 60, berkata, dia sanggup datang menemani anaknya Lum Gah Fook, 20, untuk ke program berkenaan sebagai tanda sokongan supaya permohonan anaknya bergelar konstabel polis berjaya.

“Kita tidak harus melepaskan peluang keemasan ini kerana persaingan untuk jawatan dalam sektor awam semakin sengit dan jawatan sebagai anggota polis adalah murni kerana kesanggupan

mereka berdepan risiko mempertahankan keselamatan negara.

“Selain itu, saya mahu melihat anak mempunyai kerjaya kukuh dan membantu keluarga memandang saya sudah berusia,” katanya.

Sementara itu, Pegawai Turus Hal Ehwal Awam Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Selangor Asisten Superintendan Tan Eng Bock berkata, kaum Tionghua digalakkan memohon jawatan dalam PDRM kerana syarat kemasukan untuk jawatan berkenaan dilonggarkan.

“PDRM melonggarkan syarat kerana ketika ini, hanya 1.77 peratus daripada keanggotaan di dalam PDRM daripada kaum Tionghua,” katanya.

Headline	Konstabel berijazah		
MediaTitle	Metro Ahad		
Date	27 Apr 2014	Language	Malay
Circulation	314,321	Readership	1,964,000
Section	Setempat	Color	Full Color
Page No	7	ArticleSize	277 cm ²
AdValue	RM 10,191	PR Value	RM 30,573

